

TAHAP ANCAMAN SYIAH DI MALAYSIA

- Akhir-akhir ini gelombang Syiah di Malaysia semakin berkembang lebih-lebih lagi selepas kenyataan sokongan daripada beberapa orang pemimpin politik. Selain itu, faktor sokongan dari kumpulan liberal yang bertungkus lumus memperjuangkan hak kumpulan Syiah agar diterima oleh kerajaan turut juga menarik simpati masyarakat terhadap kumpulan ini.
- Pada tahun 2017, disebabkan dasar pintu terbuka yang diamalkan Kerajaan Malaysia turut menjadi faktor utama penyebaran dan pengukuhan ajaran Syiah di Malaysia. Dianggarkan hampir 250,000 umat Islam di Malaysia menganut fahaman Syiah pelbagai aliran. Manakala terdapat lebih 400 syarikat perniagaan yang dikenal pasti mempunyai kaitan dengan fahaman ini. (JAKIM 2010).
- Marwazi (2013) menyatakan bahawa Syiah memberi ancaman kepada rakyat Malaysia. Fahaman ini jika tidak dibendung, dikhuatiri ia akan memberi satu penyakit virus yang baru terhadap generasi muda yang bakal memimpin pada masa akan datang.
- Syiah mendakwa bahawa mereka adalah pengikut Ahli Sunah Wal Jamaah. Mereka juga mencabar pihak berkuasa pada tahun 2011 apabila Majlis Syiah Malaysia (Kertas JKF bil.2/102/2012) telah menghantar memorandum yang ditandatangani oleh peguamnya, Mohd Haidar bin Mohd Hashim kepada Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri Malaysia. Isi kandungan memorandum tersebut bertujuan untuk merayu supaya warta pengharaman Syiah dan kesesatan Syiah dikaji semula dan dimansuhkan di peringkat Negeri dan Persekutuan. Antara alasan-alasan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

Mendakwa mazhab Syiah telah dilempar dengan pelbagai tuduhan yang tidak benar.

Mengeksploitasi slogan “1Malaysia” dan prinsip kebebasan di dalam Perlembagaan Negara untuk mendapatkan hak beramal dengan fahaman Syiah.

Menyatakan kesanggupan bersumpah laknat (*mubahalah*) jika kesetiaan dan ketaatan mereka kepada pemerintah diragui.

Menyebut anggaran penganut Syiah di Malaysia sekitar 200,000 hingga 300,000 orang.

Mempertikaikan mengapa ajaran Salafi-Wahabi dibenarkan untuk beramal tetapi ajaran Syiah disekat.

Mendakwa Syiah telah sampai ke rantau Nusantara seawal abad ke-11 dan 12 Masihi, iaitu lebih awal sebelum kemasukan mazhab Ahli Sunah Waljamaah.

Mendakwa mazhab Syiah menjadi mangsa tuduhan sesat oleh gerakan Salafi-Wahabi yang telah memberikan persepsi salah kepada pihak berkuasa agama.

Mendakwa Syiah adalah mazhab yang menjadikan al-Qur’an dan al-Sunnah sebagai pegangan, malah Syiah adalah Ahli Sunah Wal-Jamaah yang sebenar.

- Pada Ogos 2013, penganut Syiah Malaysia telah mengambil langkah berani dengan menghantar sebanyak 141 deklarasasi dan surat akuan berkanun yang mengandungi perakuan sebagai penganut Mazhab Imamiyah. Surat tersebut dihantar kepada Perdana Menteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam) dan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Salinan turat dibuat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan United Nations Malaysia (Kertas JKF bil.2/102/2012).

- Menurut Kamaruzzaman Yaacob (2013) terdapat seramai 141 orang yang telah membuat akuan bersumpah, di mana seramai 107 orang lelaki manakala 34 orang wanita. Analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa negeri Perak (27), Kedah (27) dan Kelantan (29) yang paling ramai membuat akuan bersumpah dan diikuti oleh negeri-negeri yang lain. Dari segi umur pula adalah antara 30 hingga 69 tahun. Mereka membuat akuan bersumpah menyatakan diri mereka berfahaman Syiah. Kumpulan ini juga telah membuat perisytiharaan menganut Syiah dengan menulis surat akuan berkanun di hadapan Pesuruhjaya Sumpah di beberapa Mahkamah di Malaysia antaranya ialah; Mahkamah Kuala Lumpur, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Pesuruhjaya Sumpah Taiping Perak, Mahkamah Seksyen Alor Setar dan sebagainya. (Zakaria Stapa 2014).
- Pada tahun 2016, kumpulan Syiah di negara ini melalui Jawatankuasa Masyarakat Awam Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia dengan berani mengemukakan surat terbuka kepada YAB Perdana Menteri menuntut agar permohonan penggantungan, kajian semula dan pembatalan fatwa kebangsaan serta fatwa di peringkat negeri-negeri serta Enakmen Tatacara Jenayah Syariah berhubung pengharaman Mazhab Syiah Imamiyyah (Ja'fari) Malaysia sebagai penjenayah disusuli dengan pengiktirafan rasmi semula secepat mungkin berasaskan Perlembagaan Persekutuan sebagai *the supreme law of the federation*. (Surat Terbuka PM 2016).
- Terkini kumpulan Syiah di Malaysia berselindung di bawah payung hak asasi manusia apabila dengan kerjasama kumpulan liberal memperjuangkan hak kebebasan untuk mereka beramal dengan ajaran mereka ini dapat dilihat melalui seminar-seminar yang telah dianjurkan oleh Islamic Renaissance Front apabila secara terang-terangan meminta agar kerajaan memberi hak yang saksama kepada kumpulan Syiah di Malaysia untuk beramal dengan ajaran mereka.

STATUS FAHAMAN SYIAH DI MALAYSIA & BEBERAPA KEKANGAN YANG DIHADAPI UNTUK MENANGANINYA

ANTARA SEBAB PENGHARAMAN SYIAH DI MALAYSIA

1. • Mengamalkan doktrin-doktrin atau ajaran yang melampau sehingga boleh menyebabkan terbatalnya aqidah Islam seperti menolak hadis yang diriwayatkan oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah (sekali pun hadis itu mutawatir) serta menolak ijmak dan qias.
2. • Mendakwa Imamah sebagai Rukun Islam yang utama dan termasuk dalam perkara usuluddin.
3. • Menghina isteri-isteri Nabi.
4. • Memfitnah Sahabat dengan mendakwa mereka melakukan kezaliman seperti Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar, Sayyidina Uthman, Sayyidatina Aishah, Sayyidatina Hafsa dan Muawiyah.

PENDIRIAN RASMI TERHADAP SYIAH

1. • Bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. • Mesti disekat secara menyeluruh.
3. • Diharamkan pengamalannya di Malaysia.

FATWA KEBANGSAAN/SELANGOR MENGENAI FAHAMAN SYIAH

- a. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membincangkan isu Syiah di Malaysia

Muzakarah telah memutuskan bahawa; Bersetuju supaya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 (Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2(2)) mengenai aliran Syiah yang menetapkan seperti berikut: "Setelah berbincang dan menimbang kertas kerja ini Jawatankuasa telah mengambil keputusan bahawa hanya Mazhab Syiah daripada golongan Al-Zaidiyah dan Jaafariah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia dimansuhkan. Oleh itu, fahaman dan ajaran Syiah termasuk daripada golongan Al-Zaidiyah dan Jaafariah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar."

- b. Melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 17 Oktober 2013, Fatwa Sighah Berkaitan Ajaran Syiah Di Negeri Selangor yang berbunyi:

Bahawa fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar menurut pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana mengandungi elemen-elemen yang bertentangan dengan Ahli Sunnah. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan sesiapa yang terlibat dengan ajaran Syiah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di negeri Selangor.

Fatwa tentang Fahaman Syiah (Sel. P.U. 15/1998) yang disiarkan pada 24 September 1998 dibatalkan.

Walau bagaimanapun, dengan pengharaman ajaran Syiah ini, masih terdapat lagi pengikut Syiah yang berani menyebarkan ajaran ini kepada umat Islam yang lain. Baru-baru ini Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengisytiharkan sebuah pertubuhan bernama Pertubuhan Syiah Malaysia sebagai haram berkuat kuasa serta-merta mengikut Seksyen 5 (1), Akta Pertubuhan 1966 kerana mencetuskan keresahan dalam kalangan umat Islam di negara ini.

BEBERAPA KEKANGAN YANG DIHADAPI OLEH PIHAK BERKUASA DALAM MENANGANI AJARAN SYIAH

1.

- Membuat tindakan berselindung dengan amalan *taqiyyah* menyebabkan pihak berkuasa sukar mengambil tindakan terhadap mereka.

2.

- Mendirikan hauzah atau pusat kegiatan di lokasi yang berubah-ubah dan berselindung di sebalik nama syarikat yang berlesen atau rumah kediaman individu tertentu.

3.

- Menghantar golongan belia atas nama pengajian atau pendidikan untuk melanjutkan pengajian di Qom, Iran dengan tajaan dan pemberian biasiswa penuh daripada Kerajaan Iran.

4.

- Meningkatnya kedatangan para belia dari negara Iran dan Iraq untuk melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia menambahkan lagi pengaruh ajaran dan amalan Syiah di Selangor di mana mereka bebas mengamalkan ajaran Syiah di negara ini.

5.

- Melakukan dan berselindung di sebalik aktiviti-aktiviti yang hanya melibatkan pengajaran dan perhimpunan atas nama persatuan atau majlis perkahwinanyang tidak membolehkan pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan undang-undang melalui tindakan jenayah.

6.

- Menggunakan media elektronik melalui laman web, *Twitter*, *Facebook* dan sebagainya dalam menyampaikan ideologi dan fahaman yang menyukarkan tindakan perundangan dan penguatkuasaan diambil terhadap mereka kecuali apabila melibatkan provokasi yang boleh menjejaskan nama negara atau sensitiviti sesuatu kaum dibuat.

7.

- Menganjurkan aktiviti-aktiviti oleh pihak Kedutaan Iran di mana penyebaran risalah dan tayangan video yang mempunyai unsur-unsur ajaran Syiah membataskan tindakan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan.

8.

- Mengenakan tindakan saman ke atas penguatkuasa dan golongan agamawan atas alasan membuat fitnah terhadap mereka.